

Mahasiswa USIM dedah ilmu Islam, berjaya tarik empat saudara baru

# Dakwah di kampung Orang Asli

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR  
utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 24 April - Usaha murni 82 penuntut Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyebarkan dakwah di perkampungan Orang Asli Kampung Meranti, Pekan, Pahang nyata tidak sia-sia apabila empat daripada penduduk kampung itu menjadi saudara baru.

Dekan FKP USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, objektif utama program khidmat sosial berkenaan bertujuan mendedahkan penduduk kampung tersebut yang berketurunan Jakun terhadap aspek dakwah dan pengurusan Islam, akidah dan pengajian agama serta komunikasi dan kaunseling.

“Saya berharap mereka meneruskan misi menyebarkan dakwah Islam ini secara berterusan melalui ilmu agama yang mereka pelajari di universiti. Ini merupakan salah satu cara mereka menabur bakti kepada masyarakat terutamanya kepada saudara baru,” katanya di sini hari ini.

Seorang peserta, **Nurul Jannah Mohamed Nawi**, 21, berkata, dia terharu apabila ibu dan bapa angkatnya secara rela hati memeluk Islam.

Katanya, ketika bersama keluarga angkat dalam program ter-



**SEBAHAGIAN** daripada mahasiswa USIM bersama keluarga angkat mereka pada hari terakhir Program Khidmat Sosial Masyarakat Orang Asli di perkampungan Orang Asli Kampung Meranti di Pekan, Pahang, baru-baru ini.

sebut, dia tidak menyentuh mengenai kesucian agama Islam kerana bimbang mereka bosan dan terganggu.

“Sebaliknya, saya dan dua adik beradik angkat yang lain menerangkan tentang kebesaran alam, kejadian langit dan bumi ini dengan penuh maksud yang tersirat dan

mudah difahami.

“Tanpa sebarang paksaan mereka dengan rela hati menyatakan hasrat untuk memeluk Islam. Sebenarnya ini merupakan pengalaman amat berharga yang tidak akan dapat dilupakan sepanjang hidup saya,” katanya.

Antara penduduk kampung ber-

kenaan yang memeluk Islam ialah Ming Nonong (Abdullah Hakimi Abdullah); Kechil Jana (Amatullah Abdullah), Din Omar (Muhamad Deen Omar) dan Zubaidah Cik (Zubaidah Abdullah).

Program enam hari bermula pada 7 April itu turut mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Ma-

laysia (Jakim), Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP), Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Program Khidmat Sosial Orang Asli yang masuk edisi kedua tersebut dirasmikan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda.